

KPKT baik pulih bumbung pangsapuri rosak

BANDAR BUKIT MAHKOTA - Projek pemasangan bumbung baharu bagi menggantikan bumbung lama yang rosak di Pangsapuri Nuri di sini sedang giat dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Ketua Umno Cawangan Bandar Bukit Mahkota, Razali Abdul Wahab berkata kesemua lapan blok di kawasan itu akan digantikan dengan bumbung baharu.

"Kos baik pulih bumbung rosak dianggarkan RM1.6 juta, projek ini dijangka akan siap dalam tempoh dua bulan bergantung pada keadaan cuaca," katanya.

Menurutnya, sejak lima tahun lalu penduduk di sini berhadapan masalah bumbung rosak.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada Adun Semenyih Datuk Johan Abd Aziz yang telah mengusulkan masalah ini kepada Menteri KPKT, Tan Sri Noh Omar.

"Setelah projek baik pulih ini siap, ia akan memberikan penyelesaian kepada penduduk di pangsapuri ini. Penduduk juga harus menghargai, tindakan pan-



Kerja baik pulih bumbung sedang dilaksanakan kontraktor.

tas Kerajaan Persekutuan menyelesaikan masalah rakyat ini," katanya.

Sinar Harian pernah melaporkan isu yang dibangkitkan oleh penduduk di sini pada 5 Mac tahun lalu, penduduk memohon kerajaan persekutuan membaik pulih.

Penduduk seringkali membangkitkan masalah bumbung berkenaan antaranya apabila hujan lebat, kawasan koridor di tingkat empat akan dipenuhi air.

Perbadanan Pengurusan pula perlu menanggung kos yang tinggi untuk membaik pulih bumbung ini secara keseluruhan.